

# Matrikulasi: Tun M pertahan Maszlee

**KUALA LUMPUR 28 Mei** - Tun Dr. Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan Dr. Maszlee Malik yang mengaitkan isu kuota matrikulasi dengan bahasa Mandarin sebagai syarat mendapat pekerjaan meskipun Menteri Pendidikan itu menerima asakan supaya meletak jawatan daripada pelbagai pihak, termasuklah rakan komponen Pakatan Harapan (PH) sendiri, DAP.

Perdana Menteri berkata, kenyataan Maszlee itu langsung tidak bersifat rasis kerana sebagai pemimpin berketurunan Melayu semestinya akan mempertahankan kepentingan bangsanya.

Dr. Mahathir memberitahu, perkara itu turut menjadi amalan pemimpin bangsa lain seperti Cina, India, Kadazan dan Iban,

“Ya (patut kekal) sebab beliau cakap sedikit sahaja mengenai

kaum tak bermakna rasis, dalam parti kita ramai cakap pasal perkauman juga.

“Orang Cina cakap pasal Cina, Melayu cakap tentang Melayu, Kadazan cakap mengenai Kadazan dan Iban cakap tentang Iban tetapi kita semua warganegara Malaysia,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malay-

sia (Bersatu) di sini hari ini.

Mengulas permohonan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia supaya kerajaan memberi kuota khas sekurang-kurangnya 20 peratus kepada kontraktor bumiputera terlibat dalam kerja-kerja Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Dr. Mahathir menjelaskan, layanan istimewa kepada kontraktor bumiputera masih dikekalkan.